

KOSMO 2/8/06 CMS 7)

## Kereta bertembung lori, dua pelajar UiTM maut

BATU GAJAH - Dua penuntut Universiti Teknologi Mara (UiTM) terbunuh, manakala tiga lagi cedera apabila kereta yang mereka naiki berlanggar dengan sebuah lori di Kilometer 27 Jalan Ipoh-Lumut dekat sini kelmarin.

Pemangku Ketua Polis Daerah Batu Gajah, Supritendan Jaafar Mohd Yusof berkata, Mohd Azma Bidin

dan Mohd Nizar Abu Zarin, kedua-duanya berusia 19 tahun, mati di tempat kejadian.

Kedua-dua mangsa mati akibat cedera parah di kepala dalam nahas yang berlaku pada pukul 10.55 malam itu.

Azuan Ahmad, 19, dihantar ke Hospital Ipoh untuk rawatan lanjut, manakala dua lagi rakannya, Ham-

zah Mohd Nor dan Mohd Farhan Jaafar yang cedera di tangan dan kaki, dirawat di Hospital Batu Gajah.

Kelima-lima mereka adalah penuntut UiTM Seri Iskandar, Tronoh dekat sini.

Jaafar berkata, kejadian itu berlaku apabila kereta dipandu Azma yang dalam perjalanan dari Ipoh ke

kampus UiTM Seri Iskandar, bertembung dengan lori yang datang dari arah bertentangan.

Akibat kemalangan itu, kereta Perodua Kelisa yang dinaiki pelajar-pelajar terbabit remuk. Anggota Bomba dan Penyelamat dari sini dikejarkan ke tempat kejadian untuk mengeluarkan mangsa yang tersepit dalam kenderaan tersebut.

Katanya, pemandu lori terbabit, Laaha Latar berumur dalam lingkungan 20-an, ditahan ketika datang membuat laporan dan dibebaskan selepas memberi kenyataan.

Kata Jaafar, siasatan awal mendapati, pemandu terbabit dikatakan cuba memotong sebuah motosikal, tetapi gagal lalu bertembung dengan kereta yang dipandu Azma.